Funded by the European Union

Memperkukuh Perlindungan bagi Mangsa dan Pemandiri Keganasan Berasaskan Gender dalam Talian atau Keganasan Berasaskan Gender yang Difasilitasi Teknologi di Malaysia

Ringkasan Eksekutif

Ringkasan dasar ini disediakan berdasarkan dapatan utama dan syor daripada laporan penilaian tentang keberkesanan kerangka perundangan dan kawal selia Malaysia dalam menangani keganasan berasaskan gender dalam talian / keganasan berasaskan gender yang difasilitasi teknologi (OGBV/TFGBV), khususnya mekanisme pelaporan/aduan.[1] Laporan penilaian tersebut berasaskan keterangan pemandiri serta penilaian individu dan badan berkaitan, termasuk peguam, kaunselor sekolah, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jawatankuasa Undang-Undang Siber dan Privasi Majlis Peguam Malaysia, serta organisasi masyarakat sivil (CSO, khususnya *Women's Centre for Change, All Women's Action Society, Association of Women Lawyers, Women's Aid Organisation, Family Frontiers, Justice for Sisters, Sarawak Women for Women Society dan Child Rights Innovation and Betterment Foundation).*

Permasalahan:

OGBV/TFGBV mengehadkan dengan ketara keupayaan wanita, kanak-kanak perempuan dan minoriti gender untuk mengekspresikan diri dalam talian dan di ruang digital. Malaysia pada masa ini tidak mempunyai perundangan khusus untuk menangani OGBV/TFGBV. Pemandiri terpaksa mengharungi kerangka perundangan yang berpecah-pecah dan "tidak mengambil kira gender", dengan undang-undang sedia ada yang menggunakan istilah kabur serta subjektif, yang mudah disalahgunakan atau dikuatkuasakan secara terpilih. Kegagalan sistemik, termasuk penyelarasan antara agensi yang lemah, penguatkuasaan yang tidak responsif dan kekurangan kepekaan gender dalam kalangan pegawai barisan hadapan, turut menghalang pemandiri daripada memperoleh remedi yang bermakna.

Dapatan Utama:

1. Walaupun undang-undang berkaitan wujud di atas kertas dan sesetengah peruntukan mungkin kelihatan memadai, sistem tersebut gagal pada peringkat pelaksanaan. Akibatnya, mangsa dan pemandiri sering berasa kecewa dengan sistem tanpa memperoleh keadilan.

2. Kelompangan kritikal yang menjejaskan keberkesanan undang-undang sedia ada termasuk perlindungan undang-undang yang tidak mencukupi, ketiadaan penyelarasan antara agensi, respons institusi yang lambat, kekurangan kepekaan gender, pemahaman yang terhad tentang kemudaratan dalam talian, serta defisit kepercayaan dan kurangnya keyakinan awam terhadap sistem.

3. Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (ONSA) berpotensi menangani isu ini, tetapi tidak mempunyai perlindungan khusus gender, menggunakan takrif yang kabur dan menyediakan mekanisme sokongan mangsa/pemandiri yang terhad. Keberkesanannya pada akhirnya akan bergantung pada perundangan subsidiari yang masih belum diumumkan.

[1] KRYSS Network, *Effectiveness of Reporting Mechanisms in Ensuring Redress for Victims & Survivors of Online Gender-Based Violence / Technology-Facilitated Gender-Based Violence* (Petaling Jaya: KRYSS Network, 2026)
https://www.kryss.network/wp-content/uploads/2026/10/OGBV-REPORT-ENG.pdf (diakses pada 16 Jun 2026)

Syor Keutamaan:

1. Pembaharuan Perundangan: Menerima pakai kerangka berasaskan hak yang mengiktiraf secara khusus kemudaratan dalam talian dan berasaskan gender, serta mengutamakan pendekatan "keselamatan sejak peringkat reka bentuk" untuk mencegah keganasan sebelum berlaku.

2. Pelaporan Berpusat: Mewujudkan platform dan talian bantuan berpusat yang dikendalikan kerajaan untuk memperkemas proses pelaporan bagi mangsa dan pemandiri semua bentuk OGBV/TFGBV. Platform tersebut akan mempercepat penyaluran laporan kepada agensi berkaitan, supaya mangsa/pemandiri tidak perlu mengurus sendiri urusan dengan pelbagai agensi.

3. Latihan Khusus: Menginstitusikan latihan berterusan tentang kepekaan gender dan kemudaratan digital bagi agensi penguatkuasaan, untuk memastikan respons yang berempati dan cekap dari segi teknikal.

4. Saluran Pelaporan Inklusif: Mewujudkan pilihan pelaporan pihak ketiga, khususnya bagi golongan terpinggir dan pemandiri bawah umur, serta menyeragamkan saluran pelaporan supaya selamat bagi pelajar, termasuk kanak-kanak dan orang dewasa, dalam sistem pendidikan.

5. Perkhidmatan Sokongan: Memperluas akses kepada bantuan guaman percuma dan sokongan kesihatan mental, serta menambah baik kemudahan tempat perlindungan kendalian kerajaan.

Hasil yang Dihasratkan:

Kerangka keselamatan digital yang menghormati hak, mengutamakan pendekatan pencegahan serta mekanisme pelaporan yang berkesan, berpusatkan pemandiri dan berada di bawah kawalan pemandiri, sekali gus menyumbang kepada ruang dalam talian dan digital yang lebih selamat serta lebih mendukung penyertaan mangsa/pemandiri OGBV/TFGBV.

1. Pengenalan:

OGBV dan TFGBV telah muncul sebagai ancaman serius terhadap hak wanita, kanak-kanak perempuan dan minoriti gender di Malaysia. Kemudaratan ini melangkaui ruang dalam talian dan digital, serta menjejaskan kesejahteraan emosi, penyertaan sosial, peluang profesional dan keselamatan fizikal mangsa/pemandiri. Perkembangan pesat platform teknologi maklumat telah mendahului pembangunan perlindungan undang-undang yang responsif gender, sehingga mangsa/pemandiri terus terdedah kepada penderaan yang semakin meningkat.


Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah memperkenalkan pelbagai undang-undang yang boleh digunakan untuk menangani kemudaratan dalam talian, termasuk Akta Antigangguan Seksual 2022 (ASHA), ONSA, serta pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA) dan Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, keterangan pemandiri dan penilaian masyarakat sivil menunjukkan jurang yang berterusan antara peruntukan undang-undang dengan realiti kehidupan.

Carta dalam Rajah 1 di bawah berusaha menggariskan saluran dan peruntukan undang-undang yang mungkin digunakan oleh pemandiri dan mangsa untuk melaporkan kes OGBV/TFGBV, serta tindakan susulan yang mungkin diambil dan asas undang-undangnya, bergantung pada kes OGBV/TFGBV dan nasihat undang-undang. Senarai peruntukan statutori yang dinyatakan tidak menyeluruh, tetapi menggambarkan masalah lebih luas dalam sistem mekanisme aduan kes OGBV/TFGBV yang berpecah-pecah.

2. Bentuk Lazim Keganasan Berasaskan Gender dalam Talian / Keganasan Berasaskan Gender yang Difasilitasi Teknologi dan Kesannya terhadap Mangsa dan Pemandiri

OGBV/TFGBV berlaku dalam pelbagai bentuk. Dalam banyak kes, bentuk-bentuk ini bertindih apabila pelaku menggunakan pelbagai bentuk penderaan dalam talian untuk menimbulkan kemudaratan lanjut. Berikut ialah senarai tidak menyeluruh tentang bentuk OGBV/TFGBV yang paling lazim:

- Gangguan dalam talian, termasuk buli siber dan mikroagresi[2]
- Penghendapan siber
- Kecurian identiti
- Penyamaran
- Penyebaran imej yang diubah suai
- Ancaman keganasan dalam talian, termasuk keganasan seksual dan bukan seksual[3]
- Pemerasan ugut dan pemerasan seksual
- *Doxxing*[4]
- Ucapan kebencian berasaskan gender
- Disinformasi/fitnah



Rajah 1: Tindakan yang mungkin diambil dan asas undang-undang melalui pelbagai mekanisme pelaporan OGBV/TFGBV.
(Sumber: KRYSS Network. Diterbitkan semula daripada Keberkesanan Mekanisme Pelaporan dalam Memastikan Akses kepada Remedi bagi Mangsa dan Pemandiri Keganasan Berasaskan Gender dalam Talian / Keganasan Berasaskan Gender yang Difasilitasi Teknologi.)

---

[2] **"Microaggression," Merriam-Webster, diakses pada 16 Jun 2026** https://www.merriam-webster.com/dictionary/microaggression.
"Mikroagresi" merujuk kepada komen atau tindakan halus, yang sering tidak disengajakan, yang menunjukkan sikap prejudis atau berat sebelah terhadap golongan terpinggir, seperti minoriti kaum, wanita atau minoriti gender.

[3] **"IAWJ, *Stopping the Abuse of Power Through Sexual Exploitation: Naming, Shaming, and Ending Sextortion* (Washington, DC: International Association of Women Judges, 2012),** https://www.unodc.org/res/ji/import/guide/naming_shaming_ending_sextortion/naming_shaming_ending_sextortion.pdf (diakses pada 16 Jun 2026).
Lihat halaman 9 untuk huraian lanjut tentang "sextortion" (pemerasan seksual), istilah yang merujuk kepada permintaan bersifat seksual secara nyata atau tersirat dengan niat melakukan pemerasan. Oleh itu, istilah ini melibatkan unsur seksual dan rasuah.

[4] **"Doxing," eSafety, May 28, 2025,** https://www.esafety.gov.au/industry/tech-trends-and-challenges/doxing (diakses pada 16 Jun 2026).
Lihat huraian lanjut tentang doxxing, yang merujuk kepada perbuatan mendedahkan identiti, maklumat peribadi atau butiran peribadi seseorang secara sengaja dalam talian tanpa persetujuannya, dengan niat menjejaskan privasi, sekuriti, keselamatan dan/atau reputasi individu yang disasarkan, lalu menyebabkan kemudaratan.

- Penggodaman
- Penyebaran imej intim tanpa persetujuan
- Perkongsian imej intim yang tidak diminta, termasuk *cyberflashing*, atau ajakan seksual dalam talian[5]
- Pengantunan dalam talian[6]
- Penderaan lain yang melibatkan bahan penderaan seksual kanak-kanak (CSAM)

Keterangan daripada temu bual yang dijalankan bagi penyelidikan *KRYSS Network* menunjukkan kesan yang amat melemahkan mangsa dan pemandiri OGBV/TFGBV. Ketakutan dan trauma akibat keganasan tersebut membentuk secara negatif cara mereka melihat dan mengekspresikan diri di ruang digital. Mangsa mengambil langkah menapis ekspresi sendiri, memilih untuk berinteraksi secara terpilih di ruang dalam talian atau menarik diri sepenuhnya daripada ruang tersebut. Kemudaratan itu turut menjejaskan kehidupan profesional mereka, sehingga menyebabkan ketidakjaminan pekerjaan dan mengurangkan keterlihatan mereka. Selain sekatan terhadap kebebasan bersuara, mangsa/pemandiri menghadapi pengasingan sosial dan sekatan pergerakan akibat kebimbangan tentang keselamatan.

3. Penilaian Mekanisme Aduan dan Remedi Sedia Ada

Mekanisme aduan yang tersedia kepada mangsa dan pemandiri pada masa ini merangkumi polis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS). Pemandiri menceritakan bahawa mereka terpaksa melalui beberapa saluran, namun ramai masih tidak dapat memperoleh remedi. Ketidakberkesanan mekanisme sedia ada dikaitkan dengan beberapa cabaran sistemik:

[5] "What Is Cyber Flashing?" Rape Crisis England & Wales, diakses pada 21 Jun 2026, https://rapecrisis.org.uk/get-informed/types-of-sexual-violence/what-is-cyber-flashing/.
Lihat huraian lanjut tentang cyberflashing, yang merujuk kepada perkongsian imej seksual diri sendiri tanpa diminta.

[6] "Online Grooming: What It Is, How It Happens, and How to Defend Children," Thorn, 4 November 2024, https://www.thorn.org/blog/online-grooming-what-it-is-how-it-happens-and-how-to-defend-children/ (diakses pada 21 Jun 2026).
Lihat huraian lanjut tentang pengantunan dalam talian, yang merujuk kepada perbuatan membina kepercayaan dengan kanak-kanak dengan niat untuk kemudian mengeksploitasi mereka secara seksual.

Bil.	Kategori Isu	Kelompangan Semasa	Sorotan Keterangan Temu Bual
1	**Perundangan**	Ketiadaan undang-undang OGBV khusus; kerangka perundangan berpecah-pecah dan tidak mengambil kira gender, dengan istilah yang luas dan kabur.	Peserta penyelidikan menyatakan bahawa Malaysia pada masa ini tidak mempunyai kerangka perundangan menyeluruh yang menangani OGBV/TFGBV. Instrumen undang-undang utama yang sedia ada, iaitu CMA, dirangka secara luas dan tidak mengiktiraf penderaan berasaskan gender sebagai kesalahan tersendiri, sekali gus mengehadkan keupayaannya untuk menangani keperluan khusus mangsa/pemandiri.
2	**Perundangan**	Undang-undang dan dasar berkaitan OGBV/TFGBV bersifat reaktif.	Peserta penyelidikan menegaskan bahawa pendekatan Malaysia terhadap OGBV/TFGBV sebahagian besarnya masih reaktif. Usaha penguatkuasaan cenderung menumpukan pemantauan dan penyederhanaan kandungan selepas kemudaratan berlaku, berbanding mencegahnya dari awal. Responden menyifatkan terdapat pergantungan berlebihan pada langkah menghukum, dengan perhatian yang tidak mencukupi terhadap usaha menangani punca asas atau menerapkan prinsip 'keselamatan sejak peringkat reka bentuk' dalam platform digital dan kerangka kawal selia.
3	**Perundangan**	Hukuman tidak berkadaran dengan beratnya kemudaratan yang ditimbulkan.	Peserta penyelidikan menyatakan bahawa hukuman undang-undang sedia ada sering gagal mencerminkan beratnya kemudaratan dan kesan jangka panjang OGBV/TFGBV.
4	**Perundangan**	Perlindungan kanak-kanak yang lemah dalam kes CSAM.	Peserta penyelidikan membangkitkan kebimbangan serius tentang perlindungan kanak-kanak dalam kes yang melibatkan CSAM dan pengantunan dalam talian. Kegiatan sedemikian dilaporkan berleluasa pada platform yang kurang dikenali dan tidak dikawal selia. Kanak-kanak sering diperlakukan sebagai subjek pembuktian dalam proses undang-undang, bukannya sebagai individu rentan yang memerlukan perlindungan dan sokongan khusus. Hal ini mencerminkan kekurangan pendekatan yang peka terhadap kanak-kanak dan trauma.
5	**Perundangan dan Penguatkuasaan**	Pemandiri perlu mengalami kemudaratan atau kemudaratan teruk sebelum dapat mengakses mekanisme aduan.	Peserta penyelidikan menyatakan bahawa aduan sering diketepikan melainkan pemandiri dianggap telah mengalami kemudaratan yang teruk atau besar. Hal ini mewujudkan ambang yang tinggi sebelum pihak berkuasa mengambil tindakan, serta mengetepikan kesan emosi dan trauma yang dialami pemandiri.
6	**Penguatkuasaan dan Penyelarasan**	Pemandiri dirujuk berulang-alik antara agensi kerana tiada SOP tentang bidang kuasa.	Responden penyelidikan menggambarkan keadaan 'menolak tanggungjawab', apabila kes dirujuk berulang-alik antara agensi, khususnya polis dan MCMC, tanpa bidang kuasa, kebertanggungjawaban atau komunikasi yang jelas. Hal ini mengakibatkan sokongan yang tidak konsisten dan, dalam sesetengah kes, pemandiri menghentikan usaha meneruskan aduan di pertengahan jalan.

Bil.	Kategori Isu	Kelompangan Semasa	Sorotan Keterangan Temu Bual
7	**Penguatkuasaan**	Komunikasi tidak responsif, lambat atau terhad, mengakibatkan tindakan susulan tidak konsisten dan kelewatan tanpa penjelasan.	Pemandiri mengenal pasti respons yang lemah sebagai cabaran utama. Ramai melaporkan bahawa mereka tidak menerima maklumat perkembangan kes walaupun telah membuat susulan, di samping kelewatan tanpa penjelasan, ketiadaan tempoh masa yang jelas, serta keadaan apabila tiada tindakan diambil terhadap aduan atau mangsa tidak mengetahui langsung hasil aduan mereka.
8	**Kapasiti Institusi**	Sikap meremehkan kemudaratan dalam talian dan pemikiran menyalahkan mangsa dalam kalangan pegawai barisan hadapan.	Responden kerap memerhatikan respons pihak berkuasa yang meremehkan dan tidak peka, termasuk sikap menyalahkan mangsa serta kekurangan empati. Ramai menyatakan bahawa pegawai barisan hadapan, khususnya dalam agensi penguatkuasaan, tidak mempunyai latihan kepekaan gender serta pendekatan berasaskan hak dan berpusatkan pemandiri.
9	**Kapasiti Institusi**	Kekurangan literasi teknikal, termasuk berkaitan perlindungan keselamatan dan sekuriti dalam talian mangsa /pemandiri semasa siasatan.	Peserta penyelidikan mengetengahkan kelompangan kepakaran teknikal dalam kalangan penyiasat polis, MCMC dan pihak pendakwaan. Pihak berkuasa disifatkan tidak mempunyai keupayaan forensik digital khusus serta pemahaman tentang hak digital, termasuk keperluan melindungi keselamatan digital dan hak kepada privasi pemandiri. Dalam satu kejadian, seorang pemandiri diminta mengubah tetapan akaun media sosialnya daripada 'peribadi' kepada 'awam' bagi tujuan siasatan. Tindakan ini kemudiannya mendedahkannya kepada gangguan lanjut dan menjejaskan keselamatannya.
10	**Akses bagi Pemandiri Bawah Umur**	Penglibatan ibu bapa diwajibkan bagi kanak -kanak.	Dua peserta penyelidikan, iaitu seorang kaunselor sekolah dan seorang wakil CSO hak kanak-kanak, menyatakan bahawa polis enggan menerima laporan daripada individu bawah umur melainkan ibu bapa dimaklumkan dan/atau identiti kanak-kanak didedahkan. Hal ini mewujudkan halangan besar terhadap pelaporan. Kaunselor sekolah sering tidak terlatih dan lazimnya terus memaklumkan ibu bapa sebagai tindakan kebiasaan. Dalam satu kejadian, sekolah mengambil langkah yang kelihatan lebih melindungi sekolah berbanding pelajar yang menjadi pemandiri, sehingga membolehkan pelaku terlepas daripada dipertanggungjawabkan.
11	**Akses bagi Golongan Terpinggir**	Ketakutan individu LGBTQ+ terhadap penjenayahan atau pendedahan identiti tanpa persetujuan semasa pelaporan.[7]	Peserta penyelidikan mengetengahkan 'defisit kepercayaan yang amat besar' terhadap mekanisme negara, khususnya berikutan penjenayahan identiti LGBTQ+ di Malaysia. Ramai dalam komuniti LGBTQ+ bimbang bahawa pelaporan boleh menyebabkan identiti mereka didedahkan tanpa persetujuan, lalu mendedahkan mereka kepada kemudaratan lanjut. Dalam satu kajian, lebih 70% percaya bahawa aduan mereka tidak akan diambil serius.[8] Responden turut membangkitkan kebimbangan bahawa takrif luas 'kandungan memudaratkan' dalam ONSA boleh 'dijadikan senjata', sehingga membolehkan penelitian yang lebih ketat serta kemungkinan penguatkuasaan keterlaluan terhadap individu dan kandungan LGBTQ+.

[7] "Outed," Cambridge Dictionary, diakses pada 16 Jun 2026, https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/outed;
Sunny Kumar, "What Is Outing and Why Is It Harmful?" LGBTQ and ALL, 7 Januari 2022, https://www.lgbtqandall.com/what-is-outing-and-why-is-it-harmful/ (diakses pada 16 Jun 2026).
"Outed" atau perbuatan "outing" bermaksud mendedahkan bahawa seseorang bukan heteroseksual atau cisgender, atau merupakan individu LGBTQ+ dalam cara lain, tanpa persetujuannya.

[8] JFS et al., *Survey Findings: Impact of COVID-19 & Anti-LGBT Narratives on LGBTQ+ Persons in Malaysia* (Malaysia: Justice for Sisters, 2021), https://justiceforsisters.org/resources/survey-findings-impact-of-covid-19-anti-lgbt-narratives-on-lgbtq-persons-in-malaysia/ (diakses pada 7 April 2026). Lihat halaman 30.

Bil.	Kategori Isu	Kelompangan Semasa	Sorotan Keterangan Temu Bual
12	**Halangan Prosedur dan Teknikal**	Syarat pemfailan secara bersemuka diwajibkan; syarat penyampaian dokumen yang kaku bagi pelaku tanpa identiti diketahui.	Peserta penyelidikan menyatakan bahawa pemandiri yang mendapatkan remedi melalui TAGS diwajibkan membuat pemfailan dan hadir secara bersemuka, sehingga menimbulkan cabaran akses, khususnya bagi mereka yang berada di luar pusat bandar. Seorang responden menyifatkan sistem itu sebagai 'analog' dan kaku kerana menghendaki pemandiri mengenal pasti pelaku, sedangkan kes dalam talian sering melibatkan pelaku yang identitinya tidak diketahui. Hal ini menyebabkan seorang pemandiri terpaksa mengupah penyiasat persendirian untuk mengesan alamat pelaku, lalu mengakibatkan kelewatan dan kos tambahan. Beliau juga tidak dibenarkan ditemani seseorang semasa pendengaran, sekali gus melemahkan lagi sokongan dan perlindungan pemandiri.
13	**Perkhidmatan Sokongan**	Pergantungan berlebihan pada CSO untuk bantuan; kekurangan tempat perlindungan kendalian negara bagi mangsa OGBV/TFGBV; bantuan guaman negara yang tidak responsif.	Terutamanya disebabkan isu-isu yang dihuraikan sebelum ini, ramai peserta penyelidikan menyatakan bahawa pemandiri sering beralih kepada CSO kerana saluran kerajaan tidak dapat diakses, tidak jelas atau tidak responsif. Perkhidmatan sokongan negara disifatkan 'tidak sekata' dan kewujudannya tidak mudah diketahui, khususnya di luar kawasan bandar. Bantuan guaman bagi kes dalam talian adalah terhad. Akibatnya, CSO sering menjadi pihak pertama yang dihubungi, menyediakan sokongan krisis, panduan undang-undang, tindakan susulan dan juga sokongan keselamatan digital selepas mangsa mengalami kemudaratan, meskipun CSO sendiri beroperasi dengan sumber yang terhad. Seorang responden menyatakan bahawa program literasi digital di sekolah sering diterajui CSO dan bukannya Kementerian, manakala seorang lagi mengetengahkan bahawa ketiadaan pusat aduan dan sumber sehenti kendalian negara menyebabkan pemandiri terus bergelut untuk mengakses sistem yang sememangnya sudah berpecah-pecah.

4. Akta Keselamatan Dalam Talian 2025: Analisis Kebolehlaksanaan

Wakil CSO dan peguam hak asasi manusia yang ditemu bual bagi penyelidikan ini mengiktiraf potensi ONSA untuk menangani OGBV/TFGBV, memandangkan Akta tersebut merangkumi pengiktirafan kandungan memudaratkan dan kandungan memudaratkan keutamaan, peningkatan tanggungjawab platform serta kemungkinan pemakaian di luar wilayah.

Namun, ramai masih berhati-hati tentang keupayaannya untuk menangani keseluruhan bentuk kemudaratan dalam talian secara berkesan. Mereka membangkitkan kebimbangan seperti pengecualian platform pemesejan peribadi, yang mesti ditimbang dengan hak kepada privasi; penggunaan takrif yang kabur dan terlalu luas; serta risiko penguatkuasaan keterlaluan atau penyalahgunaan, khususnya dengan cara yang boleh menjejaskan komuniti terpinggir dan suara yang berbeza pendapat. Isu lain termasuk kekurangan kebebasan MCMC serta sokongan mangsa yang terhad. Isu-isu ini amat penting dalam konteks keadilan gender, memandangkan kekurangan kepekaan gender telah diperhatikan secara meluas dalam pemakaian undang-undang.

Penguatkuasaan undang-undang juga bergantung pada latihan yang mencukupi, ketelusan, penglibatan aktif dengan CSO dan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas. Pada masa temu bual bagi penyelidikan *KRYSS Network* dijalankan, instrumen perundangan subsidiari untuk melaksanakan ONSA masih belum dikeluarkan. Oleh itu, keberkesanan apa-apa perundangan subsidiari, termasuk SOP, memerlukan penilaian berasingan di luar skop penyelidikan *KRYSS Network* yang dijalankan untuk menyokong ringkasan dasar ini.[9]

5. Amalan Antarabangsa dan Pengajaran

Negara-negara semakin menuju ke arah pengiktirafan OGBV/TFGBV yang lebih kukuh dalam kerangka perundangan domestik, berbanding bergantung semata-mata pada pemakaian umum undang-undang. Terdapat peralihan ke arah pendekatan yang lebih bersifat pencegahan melalui penekanan pada "keselamatan sejak peringkat reka bentuk". Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang diketengahkan di bawah memerlukan penelitian lanjut untuk memastikan bahawa pelaksanaannya tidak menyekat secara tidak munasabah pelaksanaan kebebasan bersuara yang sah.

Negara	Amalan yang Diketengahkan
United Kingdom	• Kod Reka Bentuk Bersesuaian Umur yang menumpukan keselamatan pencegahan berasaskan reka bentuk. • Portal pelaporan Internet *Watch Foundation* dan alat *Report Remove* bagi CSAM. • Kepolisan peka trauma dan mekanisme sokongan pemandiri.
Australia	• Suruhanjaya *e-Safety* bebas dengan kuasa kawal selia dan mekanisme pelaporan yang membolehkan pematuhan segera oleh platform.
Filipina	• Akta Ruang Selamat yang mengiktiraf OGBV serta menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan Bersama Kongres untuk memantau pelaksanaan dan menyemak kaedah serta peraturan pelaksanaan. Rang undang-undang untuk meminda akta bagi mewajibkan kebertanggungjawaban platform masih belum diluluskan.
Singapura	• Akta Perlindungan daripada Gangguan dan Kod Keselamatan Dalam Talian dengan mahkamah khusus serta peraturan ketelusan.
Indonesia	• Model kerjasama *SafeNet* dan inisiatif literasi digital kebangsaan.
Kesatuan Europa	• Arahan Parlimen Eropah mengenai Memerangi Keganasan terhadap Wanita dan Keganasan Rumah Tangga tahun 2024. • Perlindungan kanak-kanak, pengiktirafan OGBV dan standard kawal selia yang kukuh.

[9] KRYSS Network, *Effectiveness of Reporting Mechanisms in Ensuring Redress for Victims & Survivors of Online Gender-Based Violence / Technology-Facilitated Gender-Based Violence.*

Negara	Amalan yang Diketengahkan
Australia; Brazil	• Sekatan media sosial berasaskan umur.
China	• Sekatan media sosial berasaskan umur dan masa.

6. Syor Dasar

Respons semasa Malaysia terhadap OGBV/TFGBV tidak mencukupi meskipun terdapat kemajuan perundangan. Banyak halangan bersifat struktur. Peralihan besar ke arah pendekatan yang lebih berpusatkan pemandiri, bersifat pencegahan dan berasaskan hak amat diperlukan dengan segera dalam undang-undang serta pelaksanaannya. Pendekatan ini mesti berlandaskan undang-undang yang jelas, institusi yang bertanggungjawab dan kerjasama masyarakat sivil yang bermakna, bagi memastikan ruang dalam talian yang lebih selamat dan inklusif untuk wanita, kanak-kanak perempuan dan minoriti gender.

Tanggungjawab utama untuk menyediakan mekanisme aduan yang berkesan mesti kekal pada negara. Peranan CSO sepatutnya melengkapi, bukannya menggantikan, fungsi negara.

Ringkasan dasar ini menggariskan satu set syor untuk dilaksanakan dalam jangka pendek, sederhana atau panjang, jika berkenaan. Syor jangka pendek merupakan langkah dan/atau perubahan dasar yang boleh dilaksanakan segera dengan kemahuan politik yang sewajarnya. Syor jangka sederhana melibatkan pembaharuan atau pindaan perundangan yang memerlukan sesuatu bentuk proses parlimen. Syor jangka panjang merangkumi semakan undang-undang dan pembaharuan struktur yang lebih luas, serta kajian lanjut untuk memaklumkan pembaharuan yang lebih menyeluruh.

Kategori Isu	Kegagalan Sistemik Semasa	Syor yang Dicadangkan	Pihak Berkuasa atau Kerangka Sasaran	Hasil yang Dihasratkan	Strategi
Perundangan	Ketiadaan undang-undang OGBV khusus; kerangka perundangan berpecah-pecah dan tidak mengambil kira gender, dengan istilah yang luas dan kabur.	Menerima pakai kerangka berasaskan hak yang mengiktiraf kemudaratan khusus dalam talian dan berasaskan gender, tanpa risiko tafsiran sewenang-wenangnya.	Penggubal undang-undang	Kejelasan undang-undang dan standard pencegahan bagi kemudaratan berasaskan gender dalam talian dan digital.	Jangka sederhana
Perundangan	Undang-undang dan dasar berkaitan OGBV/TFGBV bersifat reaktif.	Mengutamakan pendekatan "keselamatan sejak peringkat reka bentuk" dengan memberikan insentif kepada syarikat teknologi.	Penggubal undang-undang Kementerian Komunikasi	Kemudaratan dalam talian dicegah sebelum berlaku.	Jangka pendek
Perundangan	Hukuman tidak berkadaran dengan beratnya kemudaratan yang ditimbulkan.	Menyemak hukuman supaya berkadaran dengan kesalahan, serta memastikan remedi dan reparasi bagi kemudaratan.	Penggubal undang-undang	Selain pembalasan, langkah yang diambil menangani punca asas ketidaksaksamaan gender secara berkesan.	Jangka sederhana
Perundangan	Perlindungan kanak-kanak\ yang lemah dalam kes CSAM.	Memasukkan unsur liabiliti ketat dalam kes CSAM.	Penggubal undang-undang	Perlindungan kanak-kanak yang lebih kukuh daripada kemudaratan dalam talian dan digital.	Jangka sederhana
Perundangan dan Penguatkuasaan	Pemandiri perlu mengalami kemudaratan atau kemudaratan teruk sebelum dapat mengakses mekanisme aduan.	Memperbaharui proses undang -undang dan pendekatan kepolisan untuk mengutamakan langkah proaktif berasaskan risiko kemungkinan kemudaratan berlaku, berbanding langkah berasaskan kemudaratan yang memerlukan kemudaratan sebenar berlaku sebelum tindakan diambil.	Penggubal undang-undang Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Langkah yang lebih proaktif dan bersifat pencegahan, berbanding reaktif.	Jangka sederhana

Kategori Isu	Kegagalan Sistemik Semasa	Syor yang Dicadangkan	Pihak Berkuasa atau Kerangka Sasaran	Hasil yang Dihasratkan	Strategi
Penguatkuasaan dan Penyelarasan	Pemandiri dirujuk berulang-alik antara agensi kerana tiada SOP tentang bidang kuasa.	Mewujudkan platform dan talian bantuan kerajaan yang berpusat serta boleh diakses bagi semua aduan dan sumber berkaitan OGBV/TFGBV.	PDRM MCMC	Proses pelaporan diperkemas dan penyelarasan antara agensi ditambah baik; pemandiri tidak lagi perlu berurusan dengan pelbagai agensi, sekali gus mengurangkan beban prosedur.	Jangka sederhana
Enforcement	Komunikasi tidak responsif, lambat atau terhad, mengakibatkan tindakan susulan tidak konsisten dan kelewatan tanpa penjelasan.	Mewajibkan tindakan susulan tepat pada masanya dengan tempoh masa proses yang jelas.	PDRM MCMC	Proses siasatan yang lebih telus, bertanggungjawab dan berpusatkan pemandiri.	Jangka pendek
Kapasiti Institusi	Sikap meremehkan kemudaratan dalam talian/digital dan pemikiran menyalahkan mangsa dalam kalangan pegawai barisan hadapan.	Menambah sumber unit khusus dan menginstitusikan latihan kepekaan gender.	PDRM	Respons lebih berempati terhadap kemudaratan dalam talian dan digital yang dialami pemandiri /mangsa OGBV/TFGBV.	Jangka pendek
Kapasiti Institusi	Kekurangan literasi teknikal, termasuk berkaitan perlindungan keselamatan dan sekuriti dalam talian mangsa/pemandiri semasa siasatan.	Menambah sumber unit khusus dan menyediakan latihan berterusan tentang kemudaratan digital.	PDRM	Respons yang lebih cekap dari segi teknikal terhadap kemudaratan dalam talian dan digital; keselamatan dan sekuriti dalam talian serta digital mangsa /pemandiri tidak terjejas oleh siasatan.	Jangka pendek
Akses bagi Pemandiri Bawah Umur	Penglibatan ibu bapa diwajibkan bagi kanak-kanak.	Mewujudkan saluran pelaporan kebangsaan yang seragam dan lebih selamat bagi pelajar; melaksanakan pilihan pelaporan pihak ketiga dan program wajib pencegahan OGBV/TFGBV di sekolah.	Kementerian Pendidikan PDRM	Saluran pelaporan yang selamat dan boleh diakses oleh individu bawah umur tanpa takut tindakan balas.	Jangka sederhana

Kategori Isu	Kegagalan Sistemik Semasa	Syor yang Dicadangkan	Pihak Berkuasa atau Kerangka Sasaran	Hasil yang Dihasratkan	Strategi
Akses bagi Golongan Terpinggir	Ketakutan individu LGBTQ+ terhadap penjenayahan atau pendedahan identiti tanpa persetujuan semasa pelaporan.	Melaksanakan pilihan pelaporan pihak ketiga.	PDRM	Saluran pelaporan yang selamat dan boleh diakses bagi golongan rentan tanpa takut tindakan balas.	Jangka sederhana
Halangan Prosedur dan Teknikal	Syarat pemfailan secara bersemuka diwajibkan; syarat penyampaian dokumen yang kaku bagi pelaku tanpa identiti diketahui.	Memperbaharui kaedah untuk menghapuskan syarat ketat penyampaian dokumen secara fizikal dan kewajipan pemfailan secara bersemuka.	TAGS	Pengurangan beban prosedur bagi pemandiri.	Jangka pendek
Perkhidmatan Sokongan	Pergantungan berlebihan pada CSO untuk bantuan; kekurangan tempat perlindungan kendalian negara bagi mangsa OGBV /TFGBV; bantuan guaman negara yang tidak responsif.	Memperluas akses kepada bantuan guaman percuma dan sokongan kesihatan mental; menambah baik kemudahan tempat perlindungan kendalian kerajaan.	Agensi sokongan kerajaan, khususnya di bawah bidang tanggungjawab: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat Kementerian Kesihatan	Jaringan keselamatan dan sumber undang-undang menyeluruh yang dibiayai negara serta berpusatkan pemandiri.	Jangka pendek

7. Kesimpulan

Sebagai negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Malaysia mesti menunjukkan komitmennya untuk memastikan ruang dalam talian yang lebih selamat serta lebih mendukung penyertaan semua wanita, kanak-kanak perempuan dan minoriti gender di Malaysia.

Jaminan Perlembagaan terhadap larangan diskriminasi atas alasan gender di bawah Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan mesti diterjemahkan dalam amalan sebenar. Kerangka perundangan negara mesti diperbaharui, baik dari segi undang-undang mahupun amalan, supaya semua orang, tanpa mengira gender, dapat mengekspresikan diri secara bebas serta menyertai kehidupan awam dan politik secara bermakna.

Rujukan

Cambridge Dictionary. "Outed," diakses pada 16 Jun 2026.
https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/outed.

eSafety. "Doxing," 28 Mei 2025.
https://www.esafety.gov.au/industry/tech-trends-and-challenges/doxing
(accessed June 16, 2026).

JFS, Diversity Malaysia, People Like Us Hang Out!, and Queer Lapis. *Survey Findings: Impact of COVID-19 & Anti-LGBT Narratives on LGBTQ+ Persons in Malaysia.* Malaysia: Justice for Sisters, 2021.
https://justiceforsisters.org/resources/survey-findings-impact-of-covid-19-anti-lgbt-narratives-on-lgbtq-persons-in-malaysia/ (diakses pada 7 April 2026).

IAWJ. *Stopping the Abuse of Power Through Sexual Exploitation: Naming, Shaming, and Ending Sextortion.* Washington, DC: International Association of Women Judges, 2012.
https://www.unodc.org/res/ji/import/guide/naming_shaming_ending_sextortion/naming_shaming_ending_sextortion.pdf (diakses pada 16 Jun 2026).

KRYSS Network. *Effectiveness of Reporting Mechanisms in Ensuring Redress for Victims & Survivors of Online Gender-Based Violence / Technology-Facilitated Gender-Based Violence.* Petaling Jaya: KRYSS Network, 2026. https://www.kryss.network/wp-content/uploads/2026/10/OGBV-REPORT-ENG.pdf (diakses pada 16 Jun 2026).

Kumar, Sunny. "What Is Outing and Why Is It Harmful?" LGBTQ and ALL, 7 Januari 2022.
https://www.lgbtqandall.com/what-is-outing-and-why-is-it-harmful/ (diakses pada 16 Jun 2026).

Merriam-Webster. "Microaggression," diakses pada 16 Jun 2026.
https://www.merriam-webster.com/dictionary/microaggression.

Rape Crisis England & Wales. "What Is Cyber Flashing?" diakses pada 21 Jun 2026.
https://rapecrisis.org.uk/get-informed/types-of-sexual-violence/what-is-cyber-flashing/.

Thorn. "Online Grooming: What It Is, How It Happens, and How to Defend Children," 4 November 2024.
https://www.thorn.org/blog/online-grooming-what-it-is-how-it-happens-and-how-to-defend-children/ (diakses pada 21 Jun 2026).

Policy Brief

Funded by the European Union

Strengthening Protection for Victims and Survivors of Online Gender-Based Violence or Technology-Facilitated Gender-Based Violence in Malaysia

Ringkasan Dasar

Funded by the European Union

Memperkukuh Perlindungan bagi Mangsa dan Pemandiri Keganasan Berasaskan Gender dalam Talian atau Keganasan Berasaskan Gender yang Difasilitasi Teknologi di Malaysia